



“Perbualan kami kemudian menyentuh mengenai komitmen berterusan kedua-dua negara untuk memperkukuh hubungan dua hala, pelaburan dan perdagangan Malaysia-Iran”

Anwar Ibrahim,  
Perdana Menteri

## Hala tuju kerjasama Malaysia, Iran tiada campur tangan asing

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata hala tuju kerjasama Malaysia-Iran tidak akan dipengaruhi campur tangan atau pengaruh pihak asing, sebaliknya berpandu sepenuhnya kepada manfaat dan kemakmuran rakyat kedua-dua negara.

Menerusi hantaran di laman Facebook, beliau berkata, perkara itu disampaikan kepada Presiden Terpilih Iran, Dr Masoud Pezeshkian dalam perbualan telefon mereka, kelmarin.

“Perbualan kami kemudian menyentuh mengenai komitmen berterusan kedua-dua negara untuk memperkukuh hubungan dua hala, pelaburan dan perdagangan Malaysia-Iran, selain sedia memperluas kerjasama dalam pelbagai bidang berpotensi yang masih belum diteroka sepenuhnya,” katanya.

Anwar turut mengucapkan tahniah kepada Pezeshkian yang akan mengangkat sumpah sebagai Presiden Iran pada 30 Julai ini selain menzahirkan harapan

untuk melihat negara itu terus berkembang hebat di bawah pimpinannya.

### Hargai pendirian Iran

Beliau juga mengucapkan takziah atas pemergian bekas Presiden Iran, Ebrahim Raisi yang terkorban dalam nahas helikopter pada 19 Mei lalu.

“Saya juga sempat menyatakan penghargaan atas pendirian teguh Iran dalam perjuangan menuntut keadilan buat rakyat Palestin serta menentang kezaliman dan genosid yang dilakukan Zionis Israel,” katanya.

Anwar berkata, pada akhir perbualan itu, beliau menjemput Pezeshkian ke Malaysia sesegera mungkin dan pemimpin tersebut turut menjemputnya ke Iran untuk terus memperkukuh hubungan persahabatan kedua-dua negara.

Pezeshkian, 69, yang juga bekas Menteri Kesihatan, dipilih sebagai Presiden Kesembilan Iran pada pilihan raya 5 Julai lalu.

BERNAMA